

08 NOV 1996

SISTEM EDI PELABUHAN BEROPERASI MENJELANG DISEMBER 1996

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Sistem Pertukaran Data Elektronik (EDI) bagi pelabuhan-pelabuhan bermatlamat supaya beroperasi bulan depan, kata timbalan menteri pengangkutan Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Katanya pelaksanaan urusan itu telah mengambil masa yang lama kerana Jabatan Kastan dan Eksais Diraja, agensi utama di dalam perdagangan elektronik itu, menggunakan sistem berbeza daripada sistem EDI.

Bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani kontrak untuk pembesaran limbungan RM250 juta kepada dua konsortium dan dua buah syarikat di Pelabuhan Bintulu di sini hari ini, katanya "sistem baru ini akan digunakan oleh jabatan dan juga EDI."

Kerajaan, tambahnya, mahu pelabuhan-pelabuhan Malaysia dilengkapkan dengan satu sistem yang boleh memasang lebih banyak input daripada yang sedia ada dan boleh menyediakan untuk lalulintas yang lebih banyak.

Katanya Perbendaharaan juga telah memberi sistem EDI yang sama.

Urusan itu akan menampung para pengguna pelabuhan yang meningkat di Malaysia berikutan seruan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melancarkan Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang September lalu.

Mengulas mengenai rancangan untuk membina lebih banyak pelabuhan atau menswastakan pelabuhan lain di Sabah dan Sarawak, katanya beliau tidak sedar mengenai sebarang rancangan kerana semua permohonan akan dihantar oleh kerajaan negeri kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU).

"Saya tidak melihat sebarang permohonan atau pihak-pihak yang berminat mengambil alih pelabuhan terutamanya di Sabah," tambah beliau. -- BERNAMA

YY OS/sia